

TARIKH : 20 OGOS 2022
 AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 4

RM6.3b bangun infrastruktur, fasiliti penyampaian di Selangor

RM6.3b bangun infrastruktur, fasiliti penyampaian di Selangor

Pusat lulus peruntukan dalam Rolling Plan Kedua RMK-12

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
 bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan Pusat sudah meluluskan peruntukan RM6.3 bilion bagi pelaksanaan pembangunan infrastruktur dan fasiliti penyampaian perkhidmatan di Selangor dalam Rolling Plan Kedua, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata antara projek penting yang akan dilaksanakan adalah lima projek tebatan banjir di Selangor dengan peruntukan RM4.7 bilion.

"Usaha ini akan disergerakkan bagi mengelak kejadian banjir teruk yang menjejaskan kesejahteraan penduduk, ekonomi negeri dan negara berulang lagi.

"Kerajaan turut mengambil langkah proaktif merencana pendekatan baharu, termasuk pembinaan infrastruktur bersesuaian dan lebih lestari serta menyeluruh di negeri ini," katanya berucap melancarkan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Selangor di sini, semalam.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) adalah Kementerian peneraju bagi penganjuran JAKM Selangor.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.



Ismail Sabri diiringi Noh (kiri) dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali melancarkan Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Selangor di Shah Alam, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

Ismail Sabri berkata, selaras aspirasi Satu Keluarga Satu Rumah, sebanyak 14,329 unit rumah di Selangor siap dibina sehingga Jun lalu di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM).

"Usaha menyediakan perumahan kepada Keluarga Malaysia, terutama kumpulan B40 dan M40 terus menjadi agenda penting kerajaan," katanya.

400,000 kerjaya sudah diisi

Dalam pada itu, beliau berkata, sebanyak 400,000 kerjaya sudah diisi di seluruh negara sejak Inisiatif JaminKerja bernilai RM4.8 bilion dilancarkan oleh kerajaan.

"Alhamdulillah, sejak tahun lalu kadar pengangguran juga, menurun sehingga 3.8 peratus pada Jun 2022, paras terendah



Orang ramai mengunjungi ruang pameran pada program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Selangor, semalam. (Foto BERNAMA)

sejak pandemik COVID-19 daripada 4.6 peratus pada Ogos 2021.

"Bagi menampung kos sara hidup yang semakin meningkat juga, kerajaan sudah menetapkan

kan paras gaji minimum baharu kepada RM1,500 mulai 1 Mei lalu. Inisiatif itu antara langkah bagi membantu mengurangkan beban kos sara hidup Keluarga

Malaysia," katanya.

Beliau berkata, bagi mengurangkan tekanan inflasi terhadap rakyat, kerajaan membelanjakan peruntukan subsidi sebanyak RM77.3 bilion, jumlah subsidi terbesar dalam sejarah negara meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik.

Menyentuh prestasi ekonomi, Ismail Sabri berkata, Malaysia mencatatkan pertumbuhan perdagangan borong dan runcit yang kukuh tahun ke tahun sebanyak 44 peratus kepada RM132.8 bilion pada Jun lalu.

"Ini paras tertinggi sejak 2013 dengan lonjakan besar dalam jualan kenderaan bermotor. Tahun lalu jumlah dagangan Malaysia buat pertama kalinya melepasi paras RM2 trilion, meningkat 24.9 peratus dari tahun sebelumnya berikutan prestasi memberangsangkan bagi kedua-dua eksport domestik dan eksport semula.

"Saya yakin pelabur asing terus berminat untuk menanam modal di negara ini hasil dasar yang dilaksanakan kerajaan. Bagi tempoh sembilan bulan lalu sehingga Jun lalu negara merekodkan nilai pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM74.1 bilion, sekali gus mengatasi jumlah FDI tahunan pada 2021, 2020, 2019 dan 2018," katanya.

Terdahulu, memulakan ucapan Perdana Menteri turut mengucapkan tahniah kepada atlet dari Selangor, M Thinaah yang berjaya merangkul dua pingat emas menerusi acara badminton berpasukan dan beregu campuran serta Javen Choong yang meraih perak dalam acara beregu campuran menerusi acara ping pong.